

03/11/1997

Pandangan PM terbukti benar

KUALA LUMPUR, Ahad - Kenyataan pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros mengenai perlunya diadakan kawalan terhadap spekulator kewangan yang menyebabkan krisis mata wang di dunia sekarang, membuktikan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang di pihak yang benar sejak awal lagi.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata banyak pihak kini bersetuju dengan hujah Dr Mahathir atas sebab yang sama.

"Pada mulanya terdapat keraguan dalam apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri.

"Tetapi kini banyak yang bimbang mengenai perkara itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Soros yang dikatakan kerugian AS\$2 bilion akibat kejatuhan pasaran saham dunia minggu lalu, menyuarakan pandangan yang sama mengenai perlunya kawalan itu seperti disuarakan oleh Dr Mahathir.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, pula berkata, Perdana Menteri sebelum ini sudah pun mengemukakan cadangan supaya satu bentuk kawalan dikenakan terhadap kegiatan manipulasi mata wang.

"Kenyataan Soros membuktikan bahawa Perdana Menteri memang benar dan tidak diragui lagi seorang pemimpin yang berpandangan jauh," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Pertubuhan Kwangsi Sedunia di sini, hari ini.

Ting yang juga Setiausaha Agung MCA, berkata perkembangan terbaru itu tentu mengukuhkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap Dr Mahathir dan pucuk pimpinan negara.

"Malaysia bersuara atas keyakinannya (mengenai perlunya kawalan itu) selepas menimbang dengan teliti," katanya sambil menambah pandangan Malaysia bukan semata-mata mencari alasan berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham di negara ini dan negara Asean.

Di Nibong Tebal, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kenyataan Soros membuktikan kebenaran pandangan Dr Mahathir mengenai perniagaan mata wang antarabangsa.

Ketika merasmikan Gerakan Bersama Rakyat peringkat daerah Seberang Prai Selatan di sini hari ini, Koh berharap pengundi kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil di kawasan itu.

Katanya, kerajaan BN membuktikan kemampuan untuk membawa kemajuan ekonomi di peringkat antarabangsa dan sokongan kepada calon BN adalah kesinambungan kepemimpinan BN di peringkat negeri.

(END)